



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

**PEGAWAI HAIWAN (B.2 EB.3)  
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PEGAWAI HAIWAN  
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**


**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kedoktoran Veterinar / Sains Veterinar atau bidang bersesuaian.


Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab dalam penyelidikan dan memberi khidmat nasihat berkenaan dengan penyakit haiwan dalam pengurusan, permakanan dan penyakit haiwan;
2. Menyediakan dan menjalankan program kesihatan haiwan ternakan kebangsaan;
3. Membuat perancangan dan pengurusan penyakit haiwan termasuk kawalan dan pencegahan, rawatan dan pembedahan;
4. Menyediakan pelan perancangan bagi kemajuan industri ternakan di Negara Brunei Darussalam;
5. Menjalankan proses siasatan kes diagnostik bagi penyakit haiwan di peringkat ladang dan makmal termasuk melalui siasatan epidemiologi, ujian sampel dan bedah siasat;
6. Bertanggungjawab dalam pemantauan pengurusan pusat-pusat penyembelihan yang diiktiraf halal di Negara Brunei Darussalam;
7. Mensyorkan, mengawal dan memantau penggunaan ubat-ubatan veterinar;
8. Bertanggungjawab merancang, menjalankan dan mengekalkan status bebas penyakit haiwan;
9. Berkemahiran dalam penyelesaian masalah dengan menilai situasi dan mampu membuat keputusan yang sewajarnya dengan cepat;



10. Bersedia untuk menyampaikan taklimat serta menjalankan kursus-kursus dan pengajaran kemahiran teknikal (*technical skill*) kepada pengusaha ternakan, *student / staff work attachment* dan juga kepada orang awam mengenai hal-hal yang berkepentingan dalam Jabatan;
11. Mengelakkan hubungan professional (*Maintain liaison*) dengan pengusaha-pengusaha ternakan, doktor-doktor veterinar, para-veterinar, pengurus-pengurus syarikat permakanan dan lain-lain;
12. Berpengetahuan luas dalam bidang Teknologi Maklumat (IT) bagi kerja-kerja penyediaan laporan, penyampaian taklimat, perkongsian maklumat dan lain-lain lagi yang memerlukan kemahiran IT;
13. Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di negara ini; dan
14. Menerima dan melaksanakan tugas atau lain-lain arahan yang diberikan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pejabat / Ketua Bahagian.



### **Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian II**

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah lengkap dan di muat naik ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply':



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).


	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Kad Pengenalan.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Lesen Memandu.pdf</a>



SIJIL Degree (Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan **PENGESAHAN PENGIFTIRAFAN KELULUSAN** (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">PHD.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">MASTER.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">DEGREE.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">HND.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">HNC.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">ND.pdf</a>

Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ('field') seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" disebalah kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ('field'), sila tekan tanda "+add" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.



		Title of Examination	University/College	Result of Examination	Upload File
		BACHELOR OF ARTS	Universiti Brunei Darussalam	PASS	<a href="#">DEGREE.pdf</a>
		Field			
		BUSINESS ADMINISTRATION			
		<a href="#">+ Add</a>			

Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, pastikan mempunyai pengalaman sepertimana kehendak skim dan seterusnya memastikan **SIJIL** Kelulusan Tertinggi yang diperolehi berserta **KELULUSAN TRANSCRIPT** (jika berkenaan) dan **PENGESAHAN PENGIFTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan, pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan “Current Government Employee”/”Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam”. Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

## My Profile

### Working Experience

#### Public and Ex-Government Employee



#### Current Government Employee



	Start Date	To Date	Name And Address of Employer
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office